

## Negeri Johor Berprestasi Tinggi, Bangsa Johor Bestari

termasuklah pendidikan Islam. Johor juga berusaha memastikan warisan budaya dan tapak sejarah Johor dikekalkan untuk mengukuhkan jati diri bangsa Johor. Teras ini bertujuan untuk memperkasa modal insan dan pembangunan bakat terpelajar anak Johor. Sedia perkhidmatan terbaik

Dalam agenda tadbir urus cekap, berintegriti dan demokratik, Kerajaan Johor komited untuk meningkatkan tahap keupayaan dan kemahiran perkhidmatan awam agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Agenda ini diteruskan dengan penggalakan penggunaan aplikasi digital dalam urusan kerajaan agar perkhidmatan yang diberikan adalah lebih efisien dan sistematik.

Kerajaan Johor juga memahami kepentingan dan sumbangan golongan srikandi dalam pembangunan negeri. Justeru, pelan pembangunan ini akan memberi fokus kepada pembelaan hak dan isu srikandi. Program-program sokongan dan bantuan kepada golongan srikandi dirancang untuk memperkasa sumbangan golongan srikandi kepada negeri

Johor. Ini juga termasuk aktiviti keusahawanan suri rumah yang mampu meningkatkan sumber pendapatan keluarga.

Dalam teras ekonomi baharu, Kerajaan Johor akan memastikan

**Kestabilan politik Johor ditandai dengan keprihatinan dan wawasan DYMM Sultan Johor untuk menjadikan Johor sebuah negeri yang maju, moden dan progresif berdasarkan slogan "Muafakat Itu Berkat".**

wujudnya peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi yang akan digalas oleh anak muda. Program-program yang bersesuaian akan dirancang dan dilaksanakan dalam membangunkan kebolehan anak muda terutamanya di dalam sektor ekonomi kreatif, digital dan sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Sebenarnya, Johor mempunyai segala ramuan dan resipi telah tersedia yang menjadi pemangkin pembangunan dan pemodenan Johor. Antaranya termasuklah Johor mempunyai kekayaan sumber alam, kedudukan yang strategik, prasarana yang terancang dan sistematik,

pembangunan modal insan, sistem tadbir urus terbaik, kestabilan politik serta keharmonian sosial.

Malah, kestabilan politik Johor ditandai dengan keprihatinan dan wawasan DYMM Sultan Johor untuk

menjadikan Johor sebuah negeri yang maju, moden dan progresif. Pada masa yang sama, baginda mahu seluruh rakyat Bangsa Johor mengekal dan mempertahankan kestabilan politik dan sosial. Hakikatnya, sejak sekian lama, Johor berjaya mengekalkan kestabilan ini berdasarkan slogan "Muafakat Itu Berkat".

Dalam memastikan Johor yang maju dan seimbang, pendidikan merupakan instrumen yang sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan Johor. Kerajaan negeri berusaha membangunkan potensi generasi muda dalam bidang kemahiran menerusi pelbagai program latihan

jangka pendek dan jangka panjang. Johor meraikan pembangunan modal insan dalam kalangan generasi muda dan pembangunan wanita. Jelasnya dalam pelaksanaan program pembangunan keluarga, masyarakat dan negara, wanita adalah tulang belakang utama yang sentiasa dihargai oleh pihak kerajaan.

Sebagai huraian, pelan ini bukanlah suatu khayalan atau retorik politik, malahan kerajaan negeri akan memastikan segala perancangan menerusi Pelan Pembangunan Mampian Johor 2019-2030 diterjemahkan ke dalam bentuk pelaksanaan dengan kaedah sistematik dan pendekatan berstruktur. Seluruh jentera kerajaan negeri, termasuk kesemua pejabat daerah, Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi persekutuan akan digerakkan bagi merealisasikan pelan ini.

Pelan pembangunan ini akan terus mendapatkan maklum balas dari rakyat Johor secara berterusan menerusi pelbagai medium. Kerajaan negeri sedar bahawa pelaksanaan pelan ini tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama yang erat daripada semua pihak, terutamanya di peringkat akar umbi. Justeru, kejayaan pelan

pembangunan ini banyak disumbangkan oleh pelbagai 'stake holders' termasuklah sokongan dari rakyat.

Kesimpulannya, Pelan Pembangunan Mampian Johor 2019-2030 merupakan dokumen rujukan yang komprehensif untuk memacu pemerikasaan ekonomi yang dinamik dan memastikan kesejahteraan sosial. Hakikatnya, bagi setiap kerajaan yang memerintah, para pemimpinnya perlu mempunyai wawasan untuk menyejahterakan rakyat dan pembangunan negara. Johor maju dan makmur sudah tentu akan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi rakyat.

Pelan ini juga dijangka mampu memperkukuhkan perancangan pelan pembangunan RMK-12. Jelas, pelaksanaan program pembangunan ini memerlukan sokongan Kerajaan Persekutuan dengan belanjawan yang besar bagi memastikan hasrat Johor menjadi negeri berprestasi tinggi, sekali gus Bangsa Johor yang bestari tercapai. Johor yang maju, moden dan makmur akan memperkukuh kekayaan, kesejahteraan dan kestabilan negara.